

02/10/1999

Perjuangan Belum Selesai dipentaskan

Mokhtar Alias

TIADA noktah rupanya terhadap puisi Perjuangan Yang Belum Selesai. Puisi karya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu tidak hanya dijadikan lagu dan menjadi sumber ilham penerbitan drama televisyen, kini ia disesuaikan pula untuk pementasan teater.

Berdasarkan naskhah Ismail Kasan bersama pengarah teater, Rosli Rauf atau Bung lahirlah teater perdana Perjuangan... yang berdasarkan semangat puisi Perdana Menteri itu dan dipentaskan mulai 27 November hingga 3 Disember depan.

Pementasan ini juga bersempena hari jadi Dr Mahathir ke-74 tahun, pada 20 Disember depan.

Seramai 70 pelakon terbabit dalam dalam pementasan ini, termasuk pelakon penting yang terdiri daripada Vanida Imran, Haeriyanto Hassan, Yalal Chin, Sani Sudin, Jesse Lim, Engku Hanafi, Sarina Aziz, Ali Osman dan Fadilah Mansur.

Menurut Bung, pementasan itu dirancangkan di Dewan Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi mereka sedang berusaha untuk mendapatkan tempat lebih sesuai di Istana Budaya.

"Oleh kerana ini adalah pementasan teater terbesar dan mungkin terakhir pada abad ini, maka lebih bagus jika kita berpeluang mementaskannya di Istana Budaya. Pada tarikh yang dipilih, kami diberitahu tiada pementasan teater di tempat itu.

"Kita sedang berusaha mendapatkan tempat itu kerana bagi saya, wajarlah tenaga muda pula diberi peluang untuk menunjukkan bakat mereka di tempat yang begitu prestij kedudukannya," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran teater itu yang dilakukan Timbalan Menteri Kesihatan juga penaung pementasan itu, Datuk Wira Mohd Ali Rustam di ibu negara, kelmarin.

Teater Perjuangan... terbitan Skrin Network Sdn Bhd ini berdasarkan naskhah baru Ismail yang mengisahkan peperangan berpunca daripada anak kecil yang tidak diketahui asal usulnya. Sebenarnya, ia berpunca daripada permainan orang asing yang mahu menguasai perlombongan emas di Sakti Alam dan menguasai Pelabuhan Kuala Lontar.

Merekalah yang sebenarnya membakar semangat dan membantu peperangan dengan alatan senjata lebih moden. Namun, mampukah mereka mengalahkan semangat dan perpaduan di kalangan penduduk di tempat itu? Inilah persoalannya yang cuba disentuh dalam teater ini.

Mohd Ali bersedia menjadi penaung pementasan ini bukan setakat ia menyokong perjuangan bangsa Melayu dan mencapai hasrat menjadi negara maju malah saranannya yang mengajak pelbagai bangsa supaya bersatu amat sesuai.

Menurutnya, jika keadaan menjadi huru-hara seperti di negara jiran, penggiat seni tidak boleh berkarya dan hidup pula sentiasa dalam kebimbangan.

"Kita menolak sebarang usaha memecahkan perpaduan masyarakat menerusi demonstrasi misalnya, sebab jika berlaku kekacauan bagaimana kita mahu membuat pementasan teater.

"Kita berharap penonton dapat menghayati semangat perjuangan yang dipaparkan dalam teater ini," katanya.

(END)